

Sistem pilihan raya umum praktikal: PM

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem pilihan raya umum yang diamalkan di Malaysia adalah praktikal, adil serta berseesuaian dengan kedudukannya sebagai negara membangun.

Menurut Perdana Menteri, perubahan kepada sistem kemenangan mengikut peratusan bilangan undi seperti di Eropah boleh mencetuskan huru-hara kerana kerajaan yang ditubuhkan mungkin tidak mendapat undi majoriti.

Sehubungan itu, katanya, sebagai negara membangun, Malaysia memerlukan kerajaan yang kuat dan boleh membuat keputusan di samping melaksanakan projek pembangunan dalam tempoh pemerintahannya.

"Sistem ini sudah dicuba di Eropah termasuk Denmark, akibatnya tidak wujud mana-mana

parti yang mendapat majoriti. Semua kerajaannya adalah kerajaan minoriti atau kerajaan campuran yang lemah.

"Kerajaan yang tidak mendapat undi majoriti daripada rakyatnya akan menghadapi kesukaran mentadbir negara dan akhirnya berlaku ketidakstabilan kerana parti yang dipilih tidak boleh bekerjasama.

"Kalau kita amalkan cara ini, Malaysia akan menghadapi huru-hara. Sebagai negara membangun, kita memerlukan kerajaan yang kuat dan boleh membuat keputusan serta melaksanakan rancangannya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap melancarkan buku baru terbitan Berita Publishing Sdn Bhd iaitu 'Penjajanan Pilihan Raya Malaysia' dan 'The Conduct of Elections' in Malaysia tulisan Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Abdul Rashid adalah Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Hadir sama di majlis itu ialah Pengerusi The New Straits Times Press (M) Bhd, Jen (B) Tan Sri Ghazali Che Mat dan Pengurus Besar Berita Publishing Sdn Bhd, Abdul Manaf Saad.

Perdana Menteri juga berkata, kebebasan serta keadilan pilihan raya umum di Malaysia sebenarnya sudah diakui oleh pemerhati bebas antarabangsa termasuk wakil Komanwel.

"Alhamdulillah, SPR melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. Sebagai contoh, dalam pilihan raya umum lalu, pemerhati Komanwel berpuas hati dan menyifatkannya bebas serta tidak pilih kasih," katanya.

"Sebenarnya, parti saya berpendapat, pemerhati Komanwel berat sebelah kerana hanya ke

LIHAT MUKA 2

Sistem pilihan raya umum praktikal: PM

DARI MUKA 1

pentas parti lawan dan tidak ke pentas kerajaan, seolah-olah memihak kepada lawan. Bagaimanapun, kita menang dua pertiga, jadi kita tidak kisah," katanya secara berseloroh.

Mengenai bantahan dalam semakan pendaftaran pemilih baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, tindakan itu membuktikan wujudnya bantahan dalam gerakan pendaftaran pemilih.

Menurutnya, lebih 5,000 pengundi yang juga penyokong kerajaan dipindahkan dari kawasan asal sehingga menyebabkan calon kawasan itu kehilangan sebahagian besar penyokongnya.

"Kerap kali kita dengar dari parti lawan, kononnya ada pengundi hantu, tapi kali ini, banyak rungutan dari parti kerajaan, 5,000 penyokong parti kerajaan dipindah ke kawasan lain.

"Rupa-rupanya ada kelemahan dalam pendaftaran pemilih. Sebagai contoh, orang yang ingin berdaftar terpaksa ke tempat pendaftaran tetapi orang yang ingin berpindah tidak perlu berbuat demikian.

"Oleh itu, ada orang rajin pergi berjumpa SPR dan menyatakan si polansis polansis ini berpindah dan hasilnya 5,000 orang di Pahang berpindah ke kawasan lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, SPR menyiasat tindakan itu dan mendapati ia dilakukan oleh individu tertentu yang berkemungkinan mempunyai kepentingan politik.

"Kita tahu orang yang buat kerja ini, seorang saja, dia seorang saja datang dan kadang-kadang butir yang diberi tidak lengkap, tak cukup untuk beri perhatian kepada pemohonannya," katanya.

Mengenai pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berharap kerajaan mengekalkan majoriti dua pertiga undi bagi membolehkan perubahan kerajaan yang kukuh dan stabil.

Menurutnya, pembuangan undi secara besar-besaran di negara ini tidak menjadi masalah kerana rakyat Malaysia mengambil berat pilihan raya sehingga lebih 86 peratus berbuat demikian.